

Yunus dan Saleh bin Kaisan menjadi mutabi` kepadanya dalam meriwayatkan hadits ini daripada Zuhri.

8/2/09 ٥٣ - بَابُ الْوُضُوءِ مِنَ النَّوْمِ وَمَنْ لَمْ يَرِ مِنَ النَّعْسَةِ وَالْتَعَسَيْنِ أَوْ الْحَقِيقَةِ وَضُوءًا

**53 – Bab: Wudhu` Kerana Tidur Dan Orang Yang Berpendapat Tidak Perlu Berwudhu` Kerana Mengantuk Sekali Dua Atau Tersengguk.<sup>94</sup>**

٢٠٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ يُصَلِّي فَلْيَرْقُدْ حَتَّى يَذْهَبَ عَنْهُ النَّوْمُ فَإِنْ أَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى وَهُوَ نَاعِسٌ لَا يَذَرِي لَعَلَّهُ يَسْتَغْفِرُ فَيَسْبُتُ نَفْسَهُ

205 - `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada bapanya daripada `Aaisyah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu mengantuk ketika sedang bersembahyang, maka hendaklah dia tidur<sup>95</sup> (selepas selesai sembahyang), sehingga hilang rasa mengantuknya. Kerana jika sso itu bersembahyang dalam keadaan mengantuk, mungkin ketika dia hendak beristighfar, dia memaki dirinya sendiri (tanpa disedari).”

<sup>94</sup> Para `ulama` berbeza pendapat tentang tidur, adakah ia membatalkan wudhu' atau tidak. Bukhari berpendapat tidur nyenyak adalah salah satu perkara yang membatalkan wudhu'. Bagi beliau alasan orang-orang yang mengatakan tidur tidak membatalkan wudhu' itu sebenarnya lemah. Kerana itulah beliau mengemukakan bab ini dengan kata putus iaitu الْوُضُوءُ مِنَ النَّوْمِ. Tetapi rasa mengantuk atau tersengguk sekali dua, meskipun ia merupakan permulaan kepada tidur, namun ia bukan tidur sebenarnya. Orang yang tidur dengan sebenar-benarnya tidak akan sedar lagi tentang apa-apa yang berlaku di sekelilingnya, dia tidak akan mendengar apa-apa perbualan yang berlaku dekatnya. Demikian juga orang yang sebenar-benarnya tidur mungkin bermimpi sama ada sedikit atau pun banyak. Berbeza dengan orang yang hanya berasa mengantuk, kerana sedikit sebanyak kesedarannya tetap ada, dia juga mendengar percakapan orang yang berdekatan dengannya walaupun tidak memahaminya. Begitu juga dia sama sekali tidak akan bermimpi.

<sup>95</sup> Daripada sabda Nabi s.a.w di dalam kedua-dua hadits di dalam bab ini dapat difahami bahawa mengantuk dan tidur itu adalah dua perkara yang berbeza. Seseorang yang mengantuk masih dapat membaca walaupun tidak lagi memahami dan menyedari apa yang dibacanya. Orang yang tidur pula langsung tidak akan dapat membaca.

٢٠٦ - حَدَّثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ حَدَّثَنَا أَيُّوبُ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ فَلْيَنَمْ حَتَّى يَعْلَمَ مَا يَقْرَأُ

206 - Abu Ma'mar meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Al-Warits meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayyub meriwayatkan kepada kami daripada Abi Qilabah daripada Anas daripada Nabi s.a.w, Baginda bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu mengantuk ketika bersembahyang, maka hendaklah dia tidur (selepas selesai sembahyang) sehingga dia mengetahui apa yang dibacanya."

٥٤ - بَابُ الْوُضُوءِ مِنْ غَيْرِ حَدَثٍ

#### 54 - Bab: Berwudhu' Tanpa Berhadats.<sup>96</sup>

٢٠٧ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَمْرِو بْنِ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ ح وَ حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ عَامِرٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوَضُّأُ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ قُلْتُ كَيْفَ كُنْتُمْ تَصْنَعُونَ قَالَ يُخْرِئُ أَحَدَنَا الْوُضُوءَ مَا لَمْ يُحْدِثْ

207 - Muhammad bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami daripada 'Amar bin 'Aamir, katanya: saya mendengar Anas bin Malik berkata. ح Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Sufyan, katanya: 'Amar bin 'Aamir meriwayatkan kepadaku daripada Anas bin Malik, beliau berkata: "Nabi s.a.w berwudhu' ketika setiap kali mahu bersembahyang. Aku (perawi) bertanya: "Bagaimana kamu (para

*Anas bin Malik*

<sup>96</sup> Di bawah bab ini Imam Bukhari mengemukakan dua hadits. Hadits pertama memaparkan bahawa Rasulullah s.a.w berwudhu' ketika setiap kali mahu bersembahyang. Hadits kedua pula menyatakan Rasulullah s.a.w telah bersembahyang maghrib dengan tidak berwudhu' terlebih dahulu, bahkan beliau berpada dengan wudhu' untuk sembahyang 'Ashar yang telah dikerjakannya sebelum itu. Perbuatan Nabi s.a.w yang seperti ini jelas menunjukkan wudhu' tanpa hadats hanya mustahab (elok jika dilakukan), bukan wajib. Imam Bukhari juga bermaksud menolak pendapat org-org yang mengatakan wajib berwudhu' untuk setiap sembahyang yang mahu dikerjakan.

sahabat) lakukan?" Anas berkata: "Pada kami <sup>seseorang</sup> itu tdk perlu berwudhu' selagi dia tidak berhadats."  
*/ Sahabat*

٢٠٨ - حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ مَخْلَدٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ قَالَ حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ قَالَ أَخْبَرَنِي بُشَيْرُ بْنُ نَسَارٍ قَالَ أَخْبَرَنِي سُؤَيْدُ بْنُ التَّعْمَانِ قَالَ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ خَيْبَرَ حَتَّى إِذَا كُنَّا بِالصَّهْبَاءِ صَلَّى لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَصْرَ فَلَمَّا صَلَّى دَعَا بِالْأُطْعِمَةِ فَلَمْ يُؤْتِ إِلَّا بِالسَّوِيقِ فَأَكَلْنَا وَشَرَبْنَا ثُمَّ قَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَغْرِبِ فَمَضَضَ ثُمَّ صَلَّى لَنَا الْمَغْرِبَ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ

208 - Khalid bin Makhlad meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman bin Bilal meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sa'id meriwayatkan kepada saya, katanya: Busyair bin Yasaar meriwayatkan kepada saya, katanya: Suwaid bin Al-Nu'man memberitahu saya, katanya: "Kami telah keluar bersama Rasulullah s.a.w pada tahun Khaibar. Apabila kami sampai di Shahba', Nabi s.a.w mengimami kami bersembayang asar. Selepas bersembahyang baginda meminta makanan, tetapi tidak dibawakan kepadanya kecuali sawiq. Lalu kami pun makan dan minum. Selesai makan dan minum Nabi s.a.w pun berdiri untuk sembahyang Maghrib. Beliau berkumur-kumur, kemudian mengimami kami bersembahyang Maghrib dengan tidak berwudhu' (terlebih dahulu)."

٥٥ - بَابُ مِنَ الْكَبَائِرِ أَنْ لَا يَسْتَسِرَّ مِنْ بَوْلِهِ

## 55 - Bab: Termasuk Dosa Besar Tidak Menjaga Diri Daripada Air Kencing Sendiri.<sup>97</sup>

٢٠٩ - حَدَّثَنَا عُثْمَانُ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحَائِطٍ مِنْ حِيطَانِ الْمَدِينَةِ أَوْ مَكَّةَ فَسَمِعَ صَوْتَ إِنْسَانَيْنِ يُعَذِّبَانِ فِي قُبُورِهِمَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَذِّبَانِ

<sup>97</sup> Imam Bukhari mengemukakan bab ini dengan tujuan menyatakan beberapa perkara, antaranya: (1) Air kencing manusia itu najis (2) Tidak menjaga diri daripada air kencing termasuk salah satu dosa besar kerana ia mengakibatkan tidak sah sembahyang dan lain-lain (3) Kenajisan air kencing manusia (selain kanak-kanak lelaki yang belum memakan sesuatu yang lain selain susu ibunya dan belum lagi cukup umurnya dua tahun) adalah disepakati sekalian 'ulama', sementara kenajisan air kencing binatang terutamanya yang halal dimakan masih lagi ada khilaf tentangnya.